

141 atlit sertai Kejohanan Taekwondo Asia

BH 25.09.2012 4

Kota Kinabalu: Seramai 141 atlit taekwando bakal membawa cabaran universiti masing-masing pada Kejohanan Taekwondo Universiti peringkat Asia ketiga pada 11 hingga 13 Oktober ini di Universiti Malaysia Sabah (UMS).

UMS diberikan penghormatan menjadi penganjur kejohanan yang kali pertama diadakan di Emiriah Arab Bersatu (UAE) pada 2010 dan Kazakhstan (2011) selaku statusnya sebagai Pusat Kecemerlangan Sukan Taekwondo.

Naib Canselor UMS, Prof Mohd Harun Abdullah, berkata negara yang akan menyertai kejohanan itu adalah Malaysia, Brunei, China, Filipina, Indonesia, Iran, Kazakhstan, Lebanon, Mongolia, Nepal, Singapura dan Thailand.

"Kejohanan bakal menampilkan aksi menarik dan sengit peserta yang mempunyai bakat tinggi.

"UMS diwakili Yeo Kok Siong, Mohd Fakhrur Razi Sazali dan Raymond Toh Meng Hui dalam kategori Pomsea

"UMS berbangga kerana diberikan penghormatan untuk menjadi penganjur dan berharap semuanya berjalan lancar," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Hadir sama Hadir sama, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof Datuk Dr Kasim Md Mansur dan Pengarah Sukan UMS, Mohd Asyraaf Abdullah.

Antara atlit yang mengesahkan penyerahan atlit taekwondo kebangsaan negara yang mewakili Universiti Putra Malaysia (UPM), Ryan Chong, bagi acara Kyorugi bantam weight.